



Hujung Minggu

قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

"DALAM pada itu ingatlah, orang yang bersabar dan memaafkan kesalahan orang terhadapnya, sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Asy Syuura, ayat 43.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.30 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.42 | MAGHRIB 6.29 | ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 63

27 MEI 2023 / 1444 ذوالقعدة 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

PLATFORM MEMBINCANGKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

BANDAR SERI PUTRA, SELANGOR, Rabu, 24 Mei. - Buat julung kalinya Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dijemput menjadi penganjur bersama Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-8 (PASAK 8) 2023.

Persidangan kali ini bertemakan 'Implementasi Nilai Dalam Mendepani Arus Digitalisasi'.

Persidangan dianjurkan oleh Pusat Pengajian Teras Universiti Islam Selangor (PPT-UIS) serta anjuran bersama Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB-UNISSA) Negara Brunei Darussalam (NBD), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Fakultas Ushuluddin Adab dan Dakwah (IAIN) Indonesia serta Jabatan Pendidikan Bahasa Arab, Pascasarjana (UIN) Antasari Banjarmasin Indonesia.

Seterusnya, Davao Oriental

State University (DORSU), Philippines, Yala Rajabhat University of Thailand (YRU), Princess of Naradhiwas University (PNU), Pertubuhan Ilmuan dan Cendekiawan Muslim Malaysia (ILMAN).

Para pembentang terdiri daripada kakitangan akademik, para penyelidik dan profesional IPT di Malaysia, NBD, Indonesia, Thailand, Filipina dan negara-negara. Lima pembentang daripada UNISSA terlibat untuk membentangkan kertas kerja masing-masing secara fizikal dan atas talian.

Penganjuran PASAK 8 antaranya bertujuan menyediakan platform dan peluang kepada ahli akademik dari pelbagai bidang untuk membincangkan penyelidikan akademik berkaitan bidang sains sosial dan kemanusiaan.

Pembentangan turut difokuskan kepada isu-isu kemanusiaan yang berlaku di dunia Islam baru-baru ini, termasuk hak untuk hidup secara aman dan mendapat

akses kepada keperluan asas dalam kehidupan.

Dalam pada itu turut diadakan Sesi Sidang Pleno bersempena PASAK 8 yang disampaikan oleh tujuh ahli panel daripada institusi-institusi dalam dan luar negara.

Salah seorang ahli panel dalam sidang pleno ialah Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Supri Haji Sudin yang juga selaku Pengarah Bersama PASAK 8.

Persidangan yang diadakan baru-baru ini telah dirasmikan oleh Rektor Universiti Islam Selangor, Prof. Madya Dato' Dr. Haji Mohd. Farid Ravi Abdullah dan ucap terna telah disampaikan oleh Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr. Zulkiple Abd. Ghani.

Hasil daripada penganjuran PASAK selama tujuh tahun bermula 2016 sehingga 2022, pihak PASAK telah berjaya menghasilkan prosiding, e-prosiding dan buku dalam setiap persidangan.



ANTARA yang membuat pembentangan (atas), manakala gambar kanan, UNISSA melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) dijemput menjadi penganjur bersama Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Ke-8.

